

20,000 hektar tanah di Lojing guna sumber air tanpa kebenaran

Kota Bharu: Sejumlah 20,000 hektar tanah pertanian di jajahan kecil lojing di Gua Musang menggunakan bekalan sumber air tanpa kebenaran dari Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan (JSANK).

Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti negeri, Datuk Azami Mohd Nor, berkata bagi mengatasi perkara itu pihaknya merangka dan mengatur strategi melesenkan semua pekebun melalui Lesen Sementara

Abtraksi Sumber Air yang diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-21 pada 19 Oktober tahun lalu.

Katanya, masalah pengambilan sumber air tanpa kawalan yang berlaku kini hanya boleh dikawal melalui pelesenan dan penguatkuasaan oleh jabatan kerajaan.

"JSANK diberi mandat sebagaimana di dalam Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 untuk menjalankan penguatkuasaan Lesen Abtraksi Badan Air bagi semua pengguna sumber air khususnya di tanah tinggi Lojing.

"Semakan jabatan mendapati di tanah tinggi Lojing terdapat ra-

tusan pengusaha kebun sayur menggunakan sumber air untuk kegunaan pertanian komersial tanpa lesen yang sah dan belum pernah dikenakan apa-apa baya-

ran berdasarkan mana-mana enakmen yang berkuat kuasa berkaitan dengan penggunaan air," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Mohd Syahbuddin Hashim (BN-Galas) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, semalam.



Azami Mohd Nor

Lulus lesen sementara

Mengulas lanjut, Azami berkata sehingga kini, JSANK meluluskan empat lesen sementara dan melaksanakan penguatkuasaan bersepadu untuk membendung masalah ini.

Katanya, ia merangkumi pematuhan kepada Penilaian Alam Sekitar (EIA), Pelan Kawalan Hakis dan Kelodak (ESMP) dan Kebenaran Merancang Pertanian.

"Jabatan juga mengadakan sesi libat urus dengan pemilik tanah yang juga agensi kerajaan bagi memudahkan proses pelesenan secara berfasa," katanya.

BERNAMA